

# Malaysia, Afrika saling melengkap

Lawatan Perdana Menteri buka lebih ruang, peluang intai bidang ekonomi

Oleh Wan Jailani Razak

UCAPAN terima kasih tidak putus-putus disampaikan ketua kerajaan Namibia, Kenya dan Sudan ketika menerima kunjungan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada setiap mesyuarat dua hala dihadapinya secara berasingan di negara masing-masing, mulai 15 April hingga 21 April lalu.

Biarpun diucap dalam bahasa berbeza diterjemahkan sebagai 'terima kasih', ucapan itu dirakam sebagai membalas kesudian Malaysia membantu pembangunan ekonomi dan sosial di ketiga-tiga negara di benua Afrika itu.

'Dankie', kata Presiden Namibia, Hifikepune Pohamba ketika menyatakan penghargaan terhadap kesediaan Kerajaan Malaysia untuk bekerjasama dengan Namibia dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial.

Namibia juga merakamkan penghargaannya kepada Kerajaan Malaysia atas bantuan teknikal diberikan kepada negara itu bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia. Malaysia pula mengulangi kesediaan untuk terus memberi bantuan kepada Namibia dengan kadar termampu dalam bidang pembangunan sosial dan ekonomi.

Sebagai balasan, Pohamba sedia menerima undangan Abdullah melakukan lawatan rasmi ke Malaysia. Tarikh lawatan itu, bagaimanapun akan ditetapkan selepas dipersetujui kedua-dua pihak. Abdullah juga menjemput Pohamba menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi, Ogos ini.

Dalam pertemuan kedua-dua pemimpin di Rumah Negeri di Windhoek, mereka mengulangi komitmen masing-masing terhadap usaha mencari penyelesaian berkekalan bagi konflik di Asia Barat, termasuk penubuhan negara Palestin yang merdeka, sejajar Resolusi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Mengenai perubahan perlu dilakukan PBB, khususnya Majlis Keselamatan, Abdullah dan Pohamba mengulangi pendirian mengenai perlunya badan dunia itu mengamalkan sepenuhnya prinsip demokrasi.

Namibia dilihat berminat mempelajari dari Malaysia dalam menjana pembangunan perindustrian dan membangunkan perusahaan kecil dan sederhana. Ia juga menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, pertanian, pembinaan kapasiti dan perdagangan.

Seperti kedudukan Malaysia dalam Asean, Namibia juga berada pada kedudukan baik dalam Komuniti Pembangunan Selatan Afrika dan Kesatuan Kastam Selatan Afrika (SACU). Komuniti perniagaan Malaysia perlu mengetahui bahawa SACU, kesatuan kastam tertua di dunia, menawarkan akses kepada pasaran 200 juta penduduk di 14 negara.

'Asante'. Itu pula kata Presiden Kenya, Mwai Kibaki pada mesyuarat dua hala sama di Nairobi, atas keinginan Malaysia berkongsi pengalaman dengan masyarakat perniagaan Kenya dalam memajukan bidang perdagangan dua hala yang terjalin sejak 1965 apabila Malaysia membuka Pejabat Perdagangan di negara itu.

Abdullah menarik perhatian walaupun Kenya rakan dagang Malaysia kelapan terbesar di Afrika, nilai dagangan kedua-dua negara tahun lalu masih kecil iaitu AS\$90.3 juta (RM316 juta), kurang 0.1 peratus daripada nilai dagangan keseluruhan Malaysia.

Eksport Malaysia ke Kenya berjumlah AS\$78.2 juta (RM273.7 juta), manakala import pula AS\$12.1 juta (RM42.4 juta) dan struktur perdagangan kini menampakkan petunjuk untuk memperluaskan potensi dan peningkatan perdagangan antara kedua-dua negara.

Eksport Malaysia ke Kenya termasuk minyak masak, getah, kayu, bahan kimia, jentera dan produk petroleum, manakala import ialah produk pertanian dan besi. Justeru, kedua-dua negara berusaha gigih untuk meningkatkan perdagangan dalam

INTI PATI

## Kerjasama Malaysia-Afrika

- Namibia dan Malaysia komitmen terhadap usaha mencari penyelesaian berkekalan bagi konflik di Asia Barat.
- Namibia berminat mempelajari pembangunan perindustrian dan perusahaan kecil dan sederhana.
- Malaysia mahu berkongsi pengalaman dengan usahawan Kenya dalam memajukan bidang perdagangan dua hala.
- Usahawan Malaysia dan Kenya digesa meneroka peluang perdagangan dalam pelbagai bentuk seperti usaha sama secara perkongsian strategik, modal dan kerjasama teknologi.
- Usahawan Malaysia diminta menimba pengalaman Kenya dalam bidang pelancongan.
- Hubungan perniagaan dengan Sudan dan mempelbagaikan bidang perdagangan dan pelaburan diteruskan.

pelbagai bidang kerana ketika ini barang yang didagangkan begitu terhad.

Sebagai contoh, Kenya memiliki sumber pertanian dan mineral, manakala Malaysia pula mempunyai kelebihan dalam menghasilkan produk seperti peralatan dan jentera serta produk berasaskan kimia. Malaysia berpengalaman dalam sektor minyak dan gas yang diyakini akan menjadi sektor penting di Kenya.

Sehubungan itu, masyarakat perdagangan Malaysia-Kenya perlu meneroka peluang kemungkinan perdagangan bukan saja dalam bidang perkilangan, malah juga perkhidmatan berkaitan pengeluaran seperti gas dan minyak.

Ketika ini, aliran pelaburan bersilang antara kedua-dua negara sangat terhad dengan syarikat minyak nasional Malaysia, Petronas menerusi anak syarikatnya Engen Kenya Limited terbabit dalam kegiatan petroleum di negara itu.

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pula meneruskan perbincangan dengan pihak berkuasa di

Kenya bagi perancangan dan pelaksanaan projek infrastruktur di negara bersempadan antara Somalia dan Tanzania itu, yang disifatkan sebagai pintu masuk ke timur Afrika.

Selain itu, usahawan Malaysia dan Kenya digesa meneroka peluang perdagangan dalam pelbagai bentuk seperti usaha sama secara perkongsian strategik, modal dan kerjasama teknologi. Perjanjian Jaminan Pelaburan perlu dimuktamadkan kerana perjanjian seperti itu akan memudahkan liberalisasi yang bersistematis, promosi serta perlindungan pelaburan.

Mengenai pelancongan, penyedia perkhidmatan Malaysia perlu berkongsi pengalaman dengan negara timur Afrika itu yang lebih dikenali dengan kehidupan liar di kawasan Serengeti.

Sekembali Perdana Menteri daripada lawatan ke Masai Mara di tengah-tengah kawasan Serengeti bagi melihat migrasi tahunan kehidupan liar di sana, beliau mahu usahawan Malaysia menimba pengalaman Kenya dalam bidang pelancongan.

Bidang pendidikan juga diterokai kedua-dua negara itu. Malaysia kini mempunyai kira-kira 600 pelajar Kenya dan pameran pendidikan diadakan sejak enam bulan lalu menarik minat pelajar Kenya yang ingin melanjutkan pengajian di Malaysia.

Dunia pendidikan di Kenya kagum dengan kesanggupan Malaysia menerima pelajar negara itu. Beberapa universiti awam dan swasta di Malaysia sedang mengembangkan usaha memikat lebih ramai pelajar Kenya ke Malaysia menerusi usaha sama dengan institusi pengajian tinggi negara itu.

Perdana Menteri dan Kibaki turut menyaksikan majlis memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknologi serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Jalan Raya. Kedua-dua pemimpin juga bersejajar mengenai penubuhan sebuah suruhanjaya untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

'Syukran'. Itu kata Presiden Sudan, Omer Hassan Ahmed Al-Bashir, dalam temuannya dengan Abdullah di Khartoum sebagai tanda terima kasih atas kesudian Malaysia untuk terus memacu hubungan perniagaan dengan negara terbesar di Afrika, iaitu Sudan dan mempelbagai bidang perdagangan dan pelaburan.

Sebagai rakan dagang dan pelaburan

penting, Sudan adalah destinasi eksport ke-16 terbesar bagi Malaysia di Afrika tahun lalu. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Sudan berjumlah AS\$51.9 juta (RM181.7 juta) tahun lalu, dengan eksport bernilai AS\$51.7 juta (RM181 juta). Eksport utamanya ke Sudan adalah produk logam, minyak sawit, barang elektrik dan elektronik serta jentera.

Sementara itu, pembabitan antara komuniti perniagaan kedua-dua negara sudah berada pada tahap yang tinggi dalam sektor minyak, gas dan pembinaan, katanya.

Dari segi pelaburan, Petronas dan sekutunya sudah berada dalam kedudukan kukuh di Sudan dan pencapaian itu turut mendapat pujian Perdana Menteri, terutama pembabitan Petronas dalam pembinaan kapasiti dan pembangunan modal insan menerusi pemberian biasiswa dan lain-lain bentuk latihan teknikal untuk warga Sudan.

Syarikat Malaysia yang lain di Sudan termasuk Malaysia International Shipping Corporation (MISC) yang bekerjasama dengan syarikat pengangkutan Sudan, Keer Trans, sejak Januari 2005 untuk menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu di Sudan, meliputi pengedaran, pergudangan dan pengangkutan fret.

Syarikat Malaysia lain, Alami Oil Products terbabit dalam pengeluaran dan pemrosesan produk minyak sawit di Pelabuhan Sudan. Baru-baru ini, syarikat itu juga memperoleh kelulusan seterusnya daripada pihak berkuasa di Sudan untuk membina kemudahan penyimpanan minyak sawit.

Ada juga banyak syarikat Malaysia yang terbabit dalam projek pembinaan di Sudan. Semua ini menunjukkan Sudan adalah rakan bagi pembangunan sosial dan ekonomi.

Justeru, apa yang perlu dilakukan mulai sekarang ialah untuk membina dan memanfaatkan sepenuhnya, pelengkap kepada usaha sedia ada antara Malaysia dan Namibia, Kenya serta Sudan dalam bidang perdagangan, pelaburan dan usaha teroka ekonomi yang memberi faedah bersama.

Lambaian tangan tanda selamat jalan oleh ketiga-tiga presiden ketika mengiringi kepulangan Perdana Menteri di lapangan terbang negara masing-masing mengisyaratkan seribu harapan agar janji termeterai tidak tinggal janji.



JALIN KESEPAKATAN: Abdullah bersama Menteri Hubungan Luar Kenya, Raphael Tuju (empat kiri) disajikan dengan tarian tradisional Kaum Masai sebelum berlepas ke Namibia selepas menamatkan lawatan rasmi ke Kenya baru-baru ini.

BERNAMA